

DEFINITION

Protocol is defined as “**OFFICIAL FORMALITY AND ETIQUETTE**”.

Other than Head/s of State, Royalty and Nobility who carry their own titles and privileges, honorifics have been bestowed upon various personalities for their good deeds and accomplishments. Usually these honorifics carry titles in recognition.

CUSTOMER PROFILE (MALAYSIAN ROYALTY)	HONORIFIC	FORM OF ADDRESS
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	Tuanku
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong	Tuanku
Raja Perlis	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Raja Perempuan Perlis	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultan Kedah Darul Aman	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultanah Kedah Darul Aman	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultan Perak Darul Ridzuan	Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri	Tuanku
Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultan Selangor Darul Ehsan	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Tengku Ampuan Selangor Darul Ehsan	Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor	Tuanku
Sultan Pahang	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Tengku Ampuan Pahang	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultanah Pahang	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultan Terengganu	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultanah Terengganu	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Al-Sultan Kelantan	Kebawah Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Raja Perempuan Kelantan	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultan Johor	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Sultanah Johor	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku
Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	Duli Yang Maha Mulia	Tuanku

CUSTOMER PROFILE (MALAYSIAN GOVERNORS)	HONORIFIC	FORM OF ADDRESS	Spouse
Yang Dipertua Negeri Melaka	Tuan Yang Terutama (TYT)	Tun	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Isteri Kepada TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	Yang Amat Berbahagia	Toh Puan	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Yang Dipertua Negeri Sarawak	Tuan Yang Terutama (TYT)	Tun	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Isteri Kepada TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak	Yang Amat Berbahagia	Toh Puan	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Yang Dipertua Negeri Sabah	Tuan Yang Terutama (TYT)	Tun	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Isteri Kepada TYT Yang Dipertua Negeri Sabah	Yang Amat Berbahagia	Toh Puan	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang	Tuan Yang Terutama (TYT)	Tun	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Isteri Kepada TYT Yang Dipertua Negeri Sabah	Yang Amat Berbahagia	Toh Puan	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)

PANGGILAN HORMAT JAWATAN		
JAWATAN	PANGGILAN HORMAT	
	Penyandang Jawatan	Isteri/Suami Penyandang Jawatan
Perdana Menteri	Yang Amat Berhormat (YAB)	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Timbalan Perdana Menteri	Yang Amat Berhormat (YAB)	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Menteri Besar / Ketua Menteri	Yang Amat Berhormat (YAB)	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)
Menteri / Timbalan Menteri / Setiausaha Parlimen	Yang Berhormat (YB)	Yang Berbahagia (YBhg.)
Yang di-Pertua Dewan Negara / Dewan Rakyat	Yang Berhormat (YB)	Yang Berbahagia (YBhg.)
Ahli Dewan Negara	Yang Berhormat Senator	Yang Berbahagia (YBhg.)
Ahli Dewan Rakyat	Yang Berhormat (YB)	Yang Berbahagia (YBhg.)

CUSTOMER PROFILE (ROYAL FAMILY)	TITLE	FORM OF ADDRESS
Regent or the Raja Muda	Duli Yang Teramat Mulia	Tengku
Prince	Yang Teramat Mulia	Tengku
Princess	Yang Teramat Mulia	Tengku
Tengku / Tunku / Ku / Raja	Yang Mulia	Tengku / Tun / Ku / Raja

Panggilan Hormat bagi Raja Muda / Tengku Mahkota dan isteri Baginda hendaklah merujuk kepada senarai yang dikeluarkan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dari semasa ke semasa.

GELARAN	PANGGILAN HORMAT		
	Suami	Isteri	
Tun	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)	Yang Amat Berbahagia (YABhg.)	Toh Puan
Tan Sri	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	Puan Sri
Datuk / Dato' Dato / Datu	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	Datin
Jika Dato' Terengganu	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	To' Puan
Ambassador	Ambassador	Your Excellency	Madame
Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan / Presiden Mahkamah Rayuan / hakim Besar / Ketua Hakim Syarie	Yang Amat Arif	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Ketua Setiausaha Negara	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Peguam Negara	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Panglima Angkatan Tentera	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Ketua Polis Negara	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Ketua Pengarah Perkhimatan Awam	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	

Ketua Setiausaha Kementerian	Yang Berbahagia (YBhg.)	Yang Berbahagia (YBhg.)	
Ketua Jabatan Persekutuan / Penyanggah JUSA C dan ke atas (Mejar Jeneral / Timbalan Komisioner / Polis dan setaraf	Yang Berusaha (YBrS.)	Yang Berusaha (YBrS.)	
Ambassador	Your Excellency	Madame	
Gentlemen	Encik / Tuan	Encik / Tuan / Sir	
Ladies	Cik / Puan	Cik / Puan / Madam / Miss	

Catatan:

Kaedah penggunaan Panggilan Hormat mengikut jawatan adalah seperti berikut :

- a. Panggilan hormat untuk Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) yang membawa gelaran Datuk maka Panggilan Hormatnya adalah Yang Berhormat (YB) Senator Datuk diikuti dengan nama.
Bagi yang tidak mempunyai gelaran maka Panggilan Hormatnya ialah YB Senator diikuti dengan nama, dan
- b. Panggilan Hormat untuk Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) yang membawa gelaran Datuk maka Panggilan Hormatnya ialah YB Datuk diikuti dengan nama bagi yang tidak mempunyai gelaran maka Panggilan Hormat ialah YB diikuti dengan nama.

Source / Sumber:

Surat Pekeliling Am Bil. 4 tahun 2014

Panggilan Hormat dan Kaedah Penggunaannya

Ditandatangani oleh : Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa,

Ketua Setiausaha Negara

30 Jun 2014

Jabatan Perdana Menteri

PENGGUNAAN BAHASA ISTANA

BIL	Perkataan	Bahasa Istana
1.	Makan / Minum	Santap Ayap (unuk rakyat)
2.	Ke bilik air	Ke sungai Contoh ayat: <i>"Tuanku nak ke sungai"?</i>
3.	Mandi	Bersiram
4.	Tidur	Beradu
5.	Saya	Patik
6.	Tidak Pasti / tak tahu	Kurang periksa Contoh ayat: <i>"Ampun Tuanku, patik kurang periksa Tuanku"</i>
7.	Terima kasih	Menjunjung kasih Contoh ayat: <i>"Menjunjung kasih Tuanku"</i> .
8.	Berlepas / Bertolak	Berangkat
9.	Berjumpa	Mengadap Contoh ayat: <i>"Tuanku mohon mengadap"</i> . Ayat ini digunakan sekiranya ingin memanggil pekerja istana mengadap Tuanku.
10.	Marah	Murka
11.	Pemberian	Kurnia
12.	Hendak tahu	Mohon periksa Contoh ayat: <i>"Patik mohon periksa"</i>
13.	Menjemput	Mempersilakan
14.	Memberitahu	Sembah Maklum Contoh ayat: <i>'Ampun Tuanku, patik mohon sembah maklum / sembahan santapan untuk hari ini Tuanku, Ampun Tuanku"</i> .
15.	Sakit	Gering
16.	Berjalan / pergi ke	Mencemar duli
17.	Mohon Izin	Ampun Tuanku, patik mohon izin
18.	Menurut perintah	Menjunjung titah Contoh ayat: <i>"Patik menjunjung titah Tuanku"</i> . (digunakan apabila menerima arahan daripada Tuanku).
19.	Mohon perkenan	Memohon limpah
20.	Berkata / perintah / menyuruh	Bertitah Contoh ayat: <i>"Kebawah Duli Tuanku titah berkenan hendakkan air"</i> .

21.	Maaf	Ampun Kurnia
22.	Memberi salam atau hormat	Sembah
23.	Bahagia	Daulat Contoh ayat: <i>"Daulat Tuanku"</i> .
24.	Sudi / suka akan sesuatu	Berkenan
25.	Payung	Iram-iram
26.	Anak	Paduka Anakanda
27.	Ayah / Bapa	Paduka Ayahanda
28.	Adik	Paduka Adinda
29.	Abang / Kakak	Paduka Kekanda
30.	Kasut	Kaus
31.	Selamat sejahtera	Dirgahayu

Perkataan ringkas:

Apabila baginda Tuanku bertitah, anda hendaklah menggantikan “*Tuanku*” setiap kali bersetuju menggantikan “*ya*”. Adalah manis jika digunakan “*Ampun Tuanku*” atau “*Tuanku*” samaada di pangkal atau di penghujung ayat. Contoh ayat lain. Titah tanya tuanku, “*Awak sudah makan?*”.

“Ampun Tuanku patik sudah ayap Tuanku”.

Adat Tertib Mengadap:

Dilakukan Ketika ketibaan Tuanku.

1. Berdiri tegak, kedua kaki dirapatkan.
2. Luruskan kedua-dua tangan disisi tubuh, beri sembah hormat (menjunjung duli / menundukkan kepala). Semasa mengadap, hendaklah tunduk sambil terus mengangkat sembah. Sembah hormat dengan meletakkan kedua dua tapak tangan ditemukan kemudian diangkat tangan hingga sama dengan paras dahi serta dirapatkan pangkal tangan ke dahi. Hujung jari lurus menghala ke atas dengan dicondong sedikit ke hadapan. Apabila menurunkan semula tangan hendaklah dengan tertib, dengan menangkap kedua-dua tangan, direndahkan – perlahan-lahan sehingga ke siku ke bahagian riba.
3. Jangan terlalu tunduk seolah olah membongkok.
4. Jarak dengan baginda Tuanku tidak terlalu rapat atau terlalu jauh (2 hingga 3 kaki).
5. Ketika bersalam hendaklah tunduk hormat / mencium tangan.

Adat Tertib Hormat Ketika Baginda Tuanku Berdua Bersemayam / Duduk.

1. Berdiri tegak kedua kaki dirapatkan.
2. Luruskan kedua-dua tangan di sisi tubuh – beri sembah hormat dengan menundukkan kepala.
3. Selepas itu berundur kira-kira tiga tapak, beri sembah hormat sekali lagi sebelum berpusing.

Adat Tertib Ketika Mengiring Tuanku.

1. Apabila mengiring baginda Tuanku, anda hendaklah berjalan di belakang sedikit daripada Tuanku dan tidak sekali-kali seiring dengan Baginda. (Disebelah kanan atau kiri).
2. Apabila terpaksa berlalu di depan Tuanku, anda hendaklah hormat takzim / tunduk hormat sambil berkata “Patik mohon lalu Tuanku’.

3. Apabila Tuanku berangkat lalu dihadapan anda, anda hendaklah memberi hormat takzim / tunduk hormat (courtesy).
4. Jika Baginda berangkat lalu di belakang anda, anda hendaklah berpusing mengadap Baginda Tuanku dan memberi hormat takzim/ sembah hormat.
5. Apabila anda berdiri dihadapan baginda, elakkan daripada berpeluk tubuh, bercekak pinggang, menyeluk saku atau bersilang tangan belakang.

Adat Tertib Ketika Menyembah Sembahan Ketika Baginda Tuanku Bersemayam (Duduk).

1. Beri hormat takzim / menundukkan kepala dan mara ke hadapan anggaran tiga langkah atau sehingga berhadapan.
2. Mengadap atau di sebelah kiri / kanan tertakluk kepada keadaan tempat Baginda bersemayam.
3. Beri hormat takzim – kendurkan kaki hingga hampir berlutut dengan lutut kiri mencecah lantai dan sembahkan persembahan itu. Contoh jika hendak sembahkan "MENU CARD".
4. Kemudian bangun dan berdiri sebentar, beri hormat takzim.
5. Undur tiga tapak ke belakang baru berpusing atau berjalan ke tempat asal, tertakluk pada keadaan.

Adat Tertib Ketika Menyembah Sembahan.

1. Sediakan dulang yang beralaskan kain berwarna kuning.
2. Beri hormat takzim.
3. Sembahkan sembah itu dengan menghulurkan dulang.
4. Jangan mengangkat barangan di atas dulang semasa menyembahkan sembah kepada Baginda.
5. Apabila selesai, berdiri tegak sebentar dan memberi hormat takzim.
6. Undur tiga tapak ke belakang baru berpusing atau berjalan ke tempat asal, tertakluk pada keadaan.

Adat Tertib Ketika Tuanku Berangkat Lalu Di hadapan / Belakang.

1. Jika Tuanku berangkat lalu di hadapan atau di belakang, di tepi atau di sebelah, anda harus beri hormat takzim dengan berdiri mengadap atau berpusing mengadap baginda. Tertakluk pada keadaan.
2. Apabila Tuanku bangun daripada tempat bersemayam, anda perlulah berdiri sebagai tanda hormat.